

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WOH**  
**[IPOH TIMUR]**  
**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 39**

**Y.B. TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah RPGT yang telah dikutip untuk pelupusan hartanah melebihi 5 tahun sejak pelaksanaannya pada 1 Januari 2019 sehingga sekarang. Sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk mempertimbangkan semula polisi pada masa hadapan memandangkan tujuan asal RPGT adalah untuk menyekat spekulasi hartanah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam Belanjawan 2019 telah menaikkan kadar CKHT bagi pelupusan hartanah dan saham dalam syarikat hartanah yang dibuat dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya seperti berikut:

- i. Bagi syarikat dan individu bukan warganegara, kadar CKHT dinaikkan daripada 5% kepada 10%; dan
- ii. Bagi individu warganegara Malaysia dan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 0% kepada 5%.

Setakat 5 Mac 2019, Kerajaan telah mengutip CKHT sebanyak RM813,400.27 bagi pelupusan hartanah untuk tempoh pegangan melebihi 5 tahun. Pecahan kutipan CKHT ini mengikut kategori adalah seperti berikut:

<b>Kategori pelupus</b>	<b>Bilangan pelupusan</b>	<b>Nilai CKHT (RM)</b>
Syarikat	4	709,788.60
Individu warganegara dan pemastautin tetap	17	103,611.67
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>	<b>813,400.27</b>

Pasa masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula langkah kenaikan kadar CKHT kerana ia baru sahaja dilaksanakan.